

'Khair seolah-olah tahu ajalnya'

Um - 20 / 11 / 2006

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Menteri Pelajaran pertama, Tan Sri Mohamed Khir Johari yang meninggal dunia pagi ini kerana sakit jantung seolah-olah sudah mengetahui saat-saat kematiannya semakin hampir, demikian menurut isterinya Puan Sri Christine Abdullah.

"Baru-baru ini, Tan Sri banyak kali sebut *God is calling me, God is calling me..* saya jawab janganlah begitu, kalau nak pergi pun biarlah sama-sama," katanya sayu ketika ditemui di pekarangan Masjid Negara, tempat jenazah suaminya dikafankan dan dikebumikan di sini.

Christine berkata, beliau juga meminta suaminya menunggu sehingga anaknya Zairil, 23, yang sedang menuntut di luar negara ketika itu, pulang.

Zairil sempat pulang dan turut berada di sisi Allahyarham semasa beliau meninggal dunia di rumah.

Christine yang menganggap pemergian suami tercintanya itu sebagai satu kehilangan yang amat dalam juga berkata Khir sering mengungkapkan kata-kata *I love you* akhir-akhir ini.

- Bernama